

Nasional

MoF komited sediakan dana biayai RMK-12

Perbelanjaan demi memacu aktiviti pemulihan sosioekonomi, pembangunan

Oleh Mohd Zaky Zainuddin dan Ahmad Suhail Adnan
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kewangan (MoF) komited menyediakan peruntukan kewangan se-cukupnya bagi membiayai perbelanjaan pembangunan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) untuk tempoh 2021 hingga 2025.

Menterinya, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata peruntukan perbelanjaan pembangunan untuk RMK-12 yang dianggarkan RM400 bilion adalah peningkatan ketara berbanding RM248.5 bilion bagi RMK-11 demi memacu aktiviti pemulihian sosioekonomi dan agenda pembangunan negara.

Bagi memastikan ruang fiskal mencukupi untuk membiayai semua program pembangunan dalam RMK-12, katanya, kerajaan kekal komited terhadap langkah konsolidasi fiskal berpandukan Rangka Fiskal Jangka Sederhana dan disokong Strategi Hasil Jangka Sederhana untuk meluaskan asas cukai serta meningkatkan kemampuan keberhutungan kerajaan.

"Dalam jangka pendek, ada ke-

Keutamaan ini bukan sahaja akan dilaksanakan selari teras RMK-12 dan Wawasan Kemakmuram Bersama 2030 (WKB 2030), tetapi juga berteraskan prinsip pengurusan kewangan berhemah mendepani COVID-19"

Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz,
Menteri Kewangan



perluan untuk meningkatkan had statutori hutang bagi menyediakan ruang fiskal tambahan dalam menyokong pembukaan sektor ekonomi dan memastikan pemulihian yang mamparn," katanya dalam kenyataan, semalam.

Walaupun akan meningkatkan sasarannya defisit Malaysia dianggarkan kepada 6.5 peratus hingga 7.0 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2021, beliau berkata, kerajaan tetap komited untuk langkah konsolidasi fiskal dalam jangka sederhana.

Menjelaskan cadangan penggalan Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA) akan membantu meningkatkan tadbir urus, ketulusan dan akauntabiliti dalam pengurusan fiskal negara, beliau

berkata, keutamaan semasa kerajaan adalah melindungi nyawa daripada COVID-19 serta memastikan prospek pertumbuhan ekonomi negara kekal kukuh dalam jangka sederhana dan panjang.

"Keutamaan ini bukan sahaja akan dilaksanakan selari teras RMK-12 dan Wawasan Kemakmuram Bersama 2030 (WKB 2030), tetapi juga berteraskan prinsip pengurusan kewangan berhemah bagi mendepani situasi COVID-19 yang mencabar serta meminimumkan kesan yang berpanjangan ke atas ekonomi akibat krisis ini," katanya.

Tengku Zafrul berkata, MoF akan menyelaraskan bidang keutamaan Belanjawan 2022 dengan fokus utama selaras tema RMK-12, iaitu Keluarga Malaysia - Makmur, Inklusif, Mamparn, dengan memberi tumpuan kepada pemulihian, pembinaan semula daya tanah negara dan memangkin pembaruan atau 3R - 'Recovery', 'Resilience' dan 'Reform'.

"Belanjawan 2022 akan menyokong strategi RMK-12 untuk meningkatkan kesiapsiagaan hospi-

tal serta kapasiti unit rawatan rapi termasuk melalui usaha sama dengan penyedia kesihatan swasta, selain tumpuan membina daya tahan negara melalui konsep keterangkuman, terutama mengurangkan jurang pendapatan dan pembangunan," kata-

nya. Beliau berkata, MoF akan turut memungkin pembaharuan selaras dasar dan strategi diutarakan dalam RMK-12, sekali gus Belanjawan 2022 akan memberi tumpuan kepada agenda pendedigitalan termasuk pelaksanaan 5G, Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) serta meningkatkan pengamalan digital terutama oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Sementara itu, katanya, Unit Perenjaya Agenda Bumiputera (TERAJU) diberi tanggungjawab mengkaji hala tuju penyertaan Bumiputera dalam industri logistik, khususnya isu syarat pemilikan ekuiti Bumiputera sebanyak 51 peratus dalam syarikat penghantaran barang sebelum dibentangkan kepada Jemaah Menteri.

Beliau memberi jaminan sebarang keputusan berhubung perkara itu akan menambil kira pandangan semua pihak, selain fokus terhadap pembabitan Bumiputera serta memastikan sektor itu berkembang dengan lebih baik.

"Baru-baru ini, Kementerian Kewangan melanjutkan tempoh kuat kuasa syarat ini buat kali kedua sehingga Disember tahun depan supaya TERAJU dapat meliti penyertaan Bumiputera dalam industri logistik dengan lebih lanjut," katanya.